

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN PERWAKILAN KE-24 PARTI GERAKAN

TEMPAT: HOTEL FEDERAL, KUALA LUMPUR

TARIKH: 22 JUL 1995

MASA:

Saya ucapkan terima kasih kepada Presiden Parti Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik, serta ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Parti kerana menjemput saya untuk merasmikan Persidangan Perwakilan Agung Parti Gerakan yang ke-24 pada hari ini. Selaku Pengerusi Barisan Nasional atau BN saya anggap jemputan ini sebagai mencerminkan semangat dan konsep BN, yang telah menjadi asas penting bagi keamanan dan kejayaan negara kita. Selain daripada itu, perasmian Mesyuarat Agung seperti ini memberi kesempatan kepada saya untuk mengikuti perkembangan Parti Gerakan dengan lebih dekat, untuk bertemu dengan pemimpin-pemimpin dan anggota-anggota parti ini dan menyuarakan pendapat saya berkenaan dengan Barisan Nasional dan peranan parti-parti komponennya.

2. Saya masih ingat semasa saya merasmikan Mesyuarat Agung Parti Gerakan tahun lalu bahawa ketika itu demam pilihanraya sudah hangat dan ramai yang menunggu untuk saya membuat pengumuman mengenai tarikh pilihanraya umum. Walaupun ramai ahli yang hampa kerana saya tidak mengumumkan tarikh tersebut, ditinjau kembali atau 'on hindsight' ianya ada baiknya. Dengan melengahkan tarikh pilihanraya tersebut ianya telah menguatkan semangat dan keazaman ahli-ahli BN untuk lebih bersedia menghadapi pilihanraya dan bekerja lebih kuat bagi menjamin kemenangan besar untuk Barisan Nasional. Ini jelas terbukti apabila pilihanraya umum yang lepas diadakan, BN telah mendapat kemenangan luar biasa.

3. Berbagai-bagai tafsiran telah dibuat mengenai kemenangan cemerlang BN dalam pilihanraya umum yang telah diadakan. Ada pihak-pihak yang tidak suka dengan kita mendakwa bahawa BN menang kerana ekonomi negara begitu baik dan pihak akhbar tidak memberi liputan yang meluas kepada parti-parti pembangkang. Pihak-pihak ini termasuk media asing tidak langsung memberi kredit kepada kebijaksanaan dan kematangan atau 'maturity' rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia tentu dapat menilai prestasi atau pencapaian negara ini berbanding dengan negara membangun yang lain, bahkan dengan negara maju. Sementara akhbar asing dan pihak-pihak tertentu sering membuat ramalan bahawa kaum-kaum akan merusuh di Malaysia, bahawa ekonomi yang tumbuh dengan pesat adalah satu kejadian 'fluke' sementara yang tidak ada kena mengena dengan dasar atau kecekapan Kerajaan Malaysia, dan ramalan-ramalan lain yang buruk terhadap

Malaysia, rakyat sedar dan dapat merasai dengan jelas kejayaan dan keamanan di negara ini serta dapat menikmati kehidupan yang bahagia dan terselamat. Rakyat Malaysia bukanlah bodoh dan tidak tahu berbudi sehingga tidak dapat menilai sendiri baik-buruk kehidupan mereka. Mereka tidak perlu pihak lain membuat penilaian dan analisa tentang baik-buruk keadaan di negara mereka. Sudah tentu mereka tahu analisa dan laporan orang asing mempunyai niat tertentu, niat untuk melihat Malaysia gagal dan hancur kerana Malaysia tidak segan-segan menegur dan mengkritik mereka apabila mereka salah.

4. Rakyat Malaysia yang berbilang kaum tahu menilai dan menghargai sesuatu, memutuskan yang mana yang baik dan yang mana yang buruk. Rakyat Malaysia tahu bahawa merekalah yang boleh dan berhak menentukan nasib mereka, dan bukan orang asing atau pihak-pihak tertentu dalam negara ini yang berniat untuk memancing dan begitu suka untuk dipuji dan disokong oleh orang asing.

5. Rakyat Malaysia membuat pilihan sendiri dalam Pilihanraya yang lepas, pilihan dengan hati dan fikiran yang terbuka. Dan pilihan mereka ialah Barisan Nasional, sekali lagi Barisan Nasional, dengan memberi sokongan dan mandat yang lebih kuat dan lebih besar.

6. Pilihanraya umum yang lepas telah menunjukkan bahawa politik perkauman atau 'communal politics' sudah tidak lagi mendapat sokongan sebilangan besar rakyat negara ini. Rakyat kini telah sedar bahawa politik perkauman akan hanya membawa kehancuran kepada negara. Ini dapat dilihat di beberapa negara yang mengamalkan politik perkauman. Itulah sebabnya parti lawan yang cuba memainkan sentimen perkauman dalam mengejar undi dan menawan sebuah negeri telah tidak mendapat sokongan. Jelaslah bahawa politik perkauman sudah tidak ada tempat lagi di negara berbilang kaum ini.

7. 'Religious extremism' atau pelampau agama juga tidak ada tempat di negara ini. 'Religious extremism' seperti biasa tidak berpandu kepada ajaran agama yang sebenar. Mereka membuat ajaran mereka sendiri dengan niat tertentu. Apabila agama dikaitkan dengan politik maka agama tercemar dan menjadi kotor. Ajaran yang dibuat ditafsir supaya bertujuan menyokong dan menghalalkan perbuatan salah oleh mereka. Inilah bahayanya ekstrimis agama. Kita berasa lega kerana rakyat Malaysia umumnya menolak 'religious extremism' dan mengalahkan mereka tiap pilihanraya dan kali ini juga. 8. Kemenangan yang besar oleh Barisan Nasional dalam pilihanraya yang kesembilan pada tahun ini adalah perkara yang boleh dibanggakan oleh kita. Tetapi janganlah kita menjadi angkuh dan sombong kerananya. Janganlah kerana tidak ada parti lawan yang kuat kita berpuashati dengan pandangan kita sahaja.

9. Kita tidak boleh anggap semua yang kita buat adalah betul. Jika kita bertanggungjawab kita hendaklah sanggup mengkritik dan menegur diri kita. Kritikan ini harus dibuat semasa kita bermesyuarat supaya dianya

tidak dipergunakan oleh parti lawan. Janganlah kita membuat kritik di luar daripada parti kerana ingin menarik perhatian kepada diri kita. Ini adalah kerana kritikan kita mungkin salah dan sebaliknya pihak yang dikritik atau perbuatan yang dikritik oleh kita sebenarnya betul. Tetapi oleh kerana kita membuat kritikan terbuka, sukar untuk kita memperbetulkan kesilapan kita atau mengakui secara terbuka bahawa kritikan kita itu tidak berasas.

10. Sebaliknya jika kritikan dibuat secara jelas semasa mesyuarat tertutup, pihak parti, bahkan Kerajaan boleh menjelaskan dan mempertahankan perkara tersebut, atau menerima dan memperbetulkan kesalahan yang didedahkan oleh kritik dari dalam parti. Cara ini adalah lebih baik, walaupun tidak begitu digemari oleh akhbar, kerana mereka tidak ada bahan yang kontroversi untuk dilaporkan.

11. Kita semua, termasuk pucuk pimpinan parti, harus bersedia mendengar kritikan atau teguran terhadap dasar atau urusan parti dan Kerajaan. Janganlah pemimpin mengecap pengkritik dari dalam parti sebagai sama dengan pembangkang, sebagai bunyi seperti orang parti lawan, sebagai penderhaka. Pemimpin mesti sanggup mendengar teguran yang ikhlas daripada anggota parti. Jika ia salah, terangkan kepadanya kenapa ia salah. Jika tegurannya baik pemimpin harus terima tegurannya dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

12. Kritikan dari dalam ini amat penting kerana yang pertamanya kita tidak boleh terlalu puashati dengan prestasi kita, dengan sokongan yang kuat daripada rakyat, dengan anggapan kita tidak mungkin salah. Kemenangan yang besar oleh kita mempunyai bahaya yang sama besar, kerana kita anggap kita terlalu pandai dan cekap.

13. Di samping kritikan dari dalam, kita juga tidak boleh tutup telinga kepada teguran oleh orang ramai, melalui media umpamanya. Semua teguran dan kritikan mestilah diambil berat dan di mana terdapat asas yang baik kita perlu bersedia membetulkan diri kita. Dengan itu, kekuatan kita tidak akhirnya menyebabkan kita hilang kepercayaan rakyat dan populariti kita menjadi pudar.

14. Saya memperingatkan perkara-perkara ini kerana dalam apa jua perjuangan memang ada 'ups and downs'. Sekarang kita 'up'. Kita boleh kekal di tahap ini hanya jika kita berjaga-jaga, bertanggungjawab dan tidak angkuh dan sombong. Jika kita lalai dan sombong kita tetap akan jatuh. Masyarakat mempunyai ingatan yang pendek. Mereka mudah lupa dan mereka akan lupa jasa kita yang lama jika hari ini kita lakukan sesuatu yang tidak disukai oleh mereka. Oleh itu beringat-ingatlah. Mandat kita adalah untuk berkhidmat dan terus berjasa kepada rakyat. Dan dengan kesedaran ini maka kita harus bekerja lebih kuat untuk agama, bangsa dan negara.

15. Barisan Nasional dan parti komponennya, termasuk Gerakan, perlu membalas budi kepada rakyat yang memilih kita dengan kita merendah diri dan memikul tugas dengan

ikhlas dan penuh tanggungjawab.

16. Dengan peringatan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Perwakilan Parti Gerakan Yang Ke-

17. Saya ucapkan selamat bersidang.